

## Unit 1.2 - Berdikari

Baca soalan dengan teliti. Pilih jawapan yang betul dari senarai yang disediakan dan tulis hurufnya di ruangan yang disediakan.

1. Perkara berikut merupakan contoh sifat berdikari kecuali \_\_\_\_\_.

A	Mampu mengurus diri sendiri
B	Menyusun jadual waktu
C	Menangguh-nangguhkan kerja yang diberikan oleh guru
D	Bijak merancang dan melaksanakan kerja sendiri

2. \_\_\_\_\_ bermaksud melakukan sesuatu tanpa mengharap bantuan orang lain.

A	Berdisiplin
B	Berdikari
C	Berdoa
D	berjanji

3. Seseorang yang dilatih dengan sikap berdikari akan \_\_\_\_\_ untuk mengurus diri sendiri apabila berada di luar negara.

A	hilang
B	susah
C	percaya
D	mudah

4. Remaja berumur 12 tahun ke atas sepatutnya sudah mempunyai \_\_\_\_\_ untuk hidup berdikari.

A	kesedaran
B	kesukaan
C	kepayaahan
D	Kesulitan

5. Pelajar yang bijak dan berjaya adalah mereka yang tahu \_\_\_\_\_ jadual dengan baik.

A	merosakkan
B	menyiapkan
C	merancang
D	menghalang

6. Salah satu ciri hidup berdikari adalah \_\_\_\_\_.

A	memupuk semangat bersefahaman
B	tidak pandai mengurus diri sendiri
C	menyusahkan hati ibu bapa ketika berjauhan
D	Menunjukkan sikap tidak bekerjasama

7. Jika seseorang itu dapat melaksanakan pengurusan dirinya dengan baik dan teratur, sudah pasti dia akan hidup \_\_\_\_\_.

A	susah dan selesa
B	senang dan merempat
C	senang dan selesa
D	merana dan sengsara

8. Mengamalkan sikap berdikari akan dapat mewujudkan sikap bertanggungjawab, meningkatkan disiplin diri serta \_\_\_\_\_.

A	menjadi malas
B	menjadi bebanan orang lain
C	Dibenci oleh keluarga
D	meringankan beban ibu bapa

9. Pelajar yang berdikari akan sedaya upaya menyiapkan semua kerja sekolah \_\_\_\_\_ tempoh yang ditetapkan.

A	semasa
B	sebelum
C	selepas
D	sesudah

10. Pelajar yang sudah terbiasa melakukan kerja sendiri tidak akan berasa \_\_\_\_\_.

A	canggung
B	lemah
C	jemu
D	tekun

11. \_\_\_\_\_, kemahiran dan pengalaman adalah sangat penting dalam kehidupan manusia.

A	Ilmu pengetahuan
B	Sikap malas
C	Berpangkat tinggi
D	Orang berada

12. Sikap malas atau \_\_\_\_\_ dalam membuat kerja akan menyebabkan kualiti dan mutu kerja merosot dan kurang memuaskan.

A	rajin
B	tekun
C	canggung
D	bertangguh-tangguh

13. Salah satu cara belajar yang berkesan adalah belajar secara \_\_\_\_\_ kerana boleh berbincang semasa belajar.

A	individu
B	perseorangan
C	berkumpulan
D	saat akhir

14. Jika seseorang itu mahu jadi orang yang bijak dan pintar, dia mestilah menjauhi sikap malas, putus asa dan sikap lekas \_\_\_\_\_.

A	jemu
B	rajin
C	sendiri
D	susah

15. Jika tidak faham mengenai sesuatu tajuk, pelajar mestilah \_\_\_\_\_ kepada orang yang lebih tahu.

A	pura-pura tahu
B	bertanya
C	buat tidak tahu
D	malas mengambil tahu

16. Orang yang berilmu , berkemahiran dan berpengalaman akan disegani ,  
\_\_\_\_\_ oleh orang lain.

A	dihormati dan dipandang mulia
B	dipandang rendah
C	dihina
D	tidak dipedulikan

17. Setiap orang mahu menjadi orang yang \_\_\_\_\_.

A	terkenal
B	malas dan lalai
C	pintar dan bijaksana
D	disukai

18. Di rumah , kita mestilah pandai mengatur dan mengisi masa dengan perkara-perkara  
yang \_\_\_\_\_.

A	melalaikan
B	membuatkan orang lain merungut
C	menghabiskan wang ringgit
D	berfaedah dan berguna

19. Semua kerja sekolah hendaklah dibuat secara \_\_\_\_\_.

A	sambil lewa
B	teliti
C	berkesan
D	meniru

20. Kita perlukan bantuan orang lain terutama dalam membuat kerja-kerja yang  
\_\_\_\_\_.

A	berat dan susah
B	senang
C	tidak berfaedah
D	melalaikan